

Dulu Hidup Bossku, kini 'national embarrassment'

Sinar Harian - 9/12/2021 w/s: 5

PUTRAJAYA - Hidup ibarat kitaran roda. Mungkin perumpamaan itu dapat disimpulkan terhadap nasib bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak setelah rayuan sabitan kes mahkamah beliau dikekalkan Mahkamah Rayuan di sini pagi Rabu.

Ahli Parlimen Pekan yang kembali berpengaruh dengan slogan 'Malu Apa Bossku' setelah kerajaan Barisan Nasional (BN) tumbang pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) itu, akhirnya terpaksa menerima hakikat beliau kini trending dengan frasa *national embarrassment* (memalukan negara) yang begitu popular di laman Twitter dengan lebih 13,100 kicauan setakat jam 3 petang Rabu.

Lebih menarik, ungkapan *national embarrassment* itu yang digunakan Hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Abdul Karim Abdul Jalil terhadap Najib semasa mengekalkan keputusan Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Mohd Nazlan Mohd Ghazali sebelum ini, turut menjadi buah mulut warga maya di Facebook dan Instagram.

Sebelum itu, Mahkamah Rayuan mengekalkan sabitan dan hukuman terhadap Najib yang didapati bersalah atas tujuh pertuduhan membabitkan penyelewengan dana RM42 juta milik syarikat SRC International Sdn Bhd.

Sewaktu membacakan keputusan penghakiman, Abdul Karim, bersama-sama Datuk Has Zanah Mehat dan Datuk Vazeer Alam Mydin Meera, sebulat suara mendapati Mohd Nazlan membuat keputusan yang betul dan tidak terkhilaf apabila mensabitkan Najib terhadap tuduhan itu.

Semasa prosiding secara hibrid, wajah Najib kelihatan tenang ketika keputusan dibacakan Abdul Karim.

Bagaimanapun, Najib kemudiannya meluahkan kekecewaan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan dan menegaskan beliau berjasa besar dalam mengembangkan aset negara daripada RM800 bilion kepada RM2 trilion selama tempoh lebih 10 tahun pentadbiran beliau sebagai Perdana Menteri bermula dari tahun 2008 hingga 2018.

Tambah Najib lagi, penggunaan ungkapan *national embarrassment* terhadap dirinya juga dianggap tidak wajar dengan beliau membangkitkan skandal dagangan tukaran wang asing (Forex) sekitar tahun 1990-an yang dianggapnya lebih memalukan.

"Bukankah itu lebih memalukan negara?" soal Najib dalam sidang media atas talian selepas Mahkamah Rayuan mengekalkan keputusan beliau bersalah.

Menegaskan kedudukannya sebagai orang Islam, beliau juga sekali lagi menegaskan bahawa beliau tidak bersalah seperti yang dipertuduhkan.

Susulan tumpuan terhadap nasib Najib kini terarah kepada keputusan rayuan kes beliau di Mahkamah Persekutuan, timbul tanda tanya sama ada kerjaya politik 'Bossku' kini sudah berakhir atau sekadar permulaan terhadap kebangkitan mutlak beliau pada masa hadapan?

Hanya masa yang dapat menjawabnya.